



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

27 Mac 2020

1. Pada hari ini, 02 Syaban 1441 bersamaan 27 Mac 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai **1 kes baru** yang telah disahkan COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **Jumlah keseluruhan kes di negara ini ialah 115 orang.**
  - Kes 115 berumur 39 tahun ialah seorang warga tempatan yang telah pulang ke negara ini dari United Kingdom pada 21 Mac 2020 bersama keluarganya dengan menaiki pesawat BI004 (tempat duduk 29C). Beliau hanya mula mengalami demam panas, sakit kepala, selsema dan mual pada 26 Mac 2020. Kes ini tidak mempunyai kaitan dengan Kes 88 yang telah pulang ke negara ini dengan menaiki pesawat yang sama (tempat duduk 10K).
2. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa hasil penyiasatan kes terperinci bagi Kes 103, yang telah disebutkan pada 24 Mac 2020, didapati ada kaitan epidemiologi di antara Kes 103 tersebut dengan Kes 47.

3. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, pada hari ini enam lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 11 orang. Ini bermakna terdapat 104 kes yang masih dirawat di Pusat berkenaan. Pada hari ini juga, seorang lagi pesakit dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan, dan pesakit yang sebelum ini kritikal pula masih lagi memerlukan bantuan mesin pernafasan dan alat bantuan *heart/lung machine (ECMO)*. Ini bermakna jumlah pesakit dalam keadaan kritikal adalah seramai dua orang. Sementara itu, ada tiga orang yang memerlukan pemantauan rapi dan selebihnya dalam keadaan yang baik.
4. Sementara itu, pada masa ini, seramai 1,140 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 874 orang lagi telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 4,994 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.
5. Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai bahawa walaupun jumlah kes baru yang dilaporkan pada hari ini menunjukkan penurunan namun langkah-langkah kewaspadaan dan pengawalan masih perlu diteruskan. Ini adalah kerana masih terdapat sebahagian rakyat dan penduduk negara ini yang sedang menjalani kurantin dan pengasingan diri. Selain itu, keadaan COVID-19 di peringkat global juga masih membimbangkan dengan

Amerika Syarikat dan beberapa negara di Eropah sedang berdepan dengan jumlah kes dan jumlah kematian yang sangat besar.

6. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak pengurusan perhotelan dan fasiliti-fasiliti yang telah memberikan kerjasama padu dalam penyediaan tempat-tempat pengasingan melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) bagi mereka yang telah diarahkan untuk menjalani pengasingan diri mandatori sebaik tiba ke negara ini selepas membuat perjalanan antarabangsa. Kerjasama, komitmen dan pengorbanan yang diberikan oleh para pengusaha dan pemilik hotel, apartmen dan hostel dalam memastikan kejayaan usaha Kerajaan mengawal penularan wabak COVID-19 di negara ini adalah sangat mulia dan tidak ternilai.
7. Sementara itu, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk terus mengamalkan penjarakkan sosial atau penjarakkan fizikal (*social or physical distancing*) semasa berada di kedai-kedai, tamu dan bank, termasuk semasa menggunakan mesin ATM terutama sekali pada hari penerimaan gaji besok dan hari-hari berikutnya. Sesiapa yang merasa kurang sihat hendaklah mengelakkan dari pergi ke tempat-tempat yang sesak dengan orang ramai. Seboleh-bolehnya, gunakanlah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan seperti perbankkan atas talian (*online banking*).

8. Dalam pada itu, pemilik gedung-gedung dan kedai-kedai adalah disarankan untuk mengawal kemasukkan orang ramai dengan menghadkan bilangan pelanggan dan membuat petanda-petanda jarak sekurang-kurangnya 1 meter ditempat-tempat tertentu seperti di kaunter pembayaran dan lain-lain. Ini adalah disamping melaksanakan pemeriksaan suhu badan dan menyediakan *handsanitiser* ditempat-tempat masuk serta memastikan troli dan bakul-bakul pembelian adalah sentiasa di bersihkan.
9. Seterunsa, Kementerian Kesihatan juga ingin menekankan kepada mereka yang telah diberi arahan pengasingan diri (*self-isolation*) untuk segera memaklumkan kepada ketua atau majikan ditempat mereka bekerja. Sesiapa yang didapati tidak memaklumkan kepada ketua atau majikan berkenaan dan masih hadir bekerja semasa tempoh pengasingan diri, pihak Kementerian Kesihatan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang menurut Akta Penyakit Berjangkit 204.
10. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.
11. Di dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin menyeru kepada semua pengguna Talian Nasihat Kesihatan 148 untuk menggunakan perkhidmatan yang telah disediakan dengan berhemah. Perkhidmatan Talian 148 disediakan untuk memberikan nasihat-nasihat kesihatan bagi

mengurangkan kebimbangan orang ramai mengenai wabak COVID-19 yang sedang dihadapi. Namun terdapat sebilangan pemanggil yang menyalahgunakan perkhidmatan tersebut. Panggilan gurauan (*prank calls*) hanya akan menghalang mereka yang benar-benar memerlukan nasihat kesihatan dari mendapatkan bantuan. Oleh itu, gunakan perkhidmatan yang disediakan dengan bijak dan sebaik mungkin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 02 Syaaban 1441H / 27 Mac 2020